

→ KONVOKESYEN

MAJLIS
KONVOKESYEN
KE-

12

اوتوورتيهتت ماريسر افهتت

18, 19 & 20 November 2017

Perkembangan 18, 19 & 20 November 2017 (Sabtu, Ahad & Isnin)

di Dewan Kompleks Sains Universiti Malaysia Pahang, Kuantan, Pahang Darul Makmur

UMP Advanced perkasa agenda TVET dan PSH

Kuantan: UMP Advanced menyediakan pelbagai program khusus bagi membantu kerajaan melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan melonjakkan agenda Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) serta Latihan Pendidikan Teknikal & Vokasional (TVET).

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr Mohamad Rozi Hassan, berkata usaha itu sejajar inisiatif kerajaan memacu pertumbuhan ekonomi negara, pembangunan modal insan dan melahirkan masyarakat berpendapatan tinggi seperti diumumkan pada Bajet 2018.

Beliau berkata, penawaran program ijazah sarjana muda khas kepada pelajar melalui program sijil profesional dan memenuhi kehendak pihak industri serta menyokong agenda Pelan Strategik UMP 2016-2020 iaitu Lonjakan Strategi 1 - Keunggulan Akademik menerusi kebolehpasaran graduan.

"Ia juga memudahkan pelajar mendapat pekerjaan. Jadi, selain memiliki ijazah sarjana muda dalam bidang masing-masing, mereka juga memperoleh tambahan sijil profesional yang relevan dengan keperluan industri semasa.

"Kumpulan sasaran bagi kemasukan khas ini membabitkan lekatan diploma atau setaraf daripada universiti awam atau swasta, politeknik dan institusi latihan kemahiran awam atau swasta serta institusi pendidikan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

"Ia dapat membuka lebih banyak laluan pelajar lekatan TVET melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda di UMP, selari dengan Pelan Penguatkuasaan



Pelaburan modal insan penting bagi meningkatkan kemajuan dan status sosioekonomi rakyat supaya mudah memperoleh akses pendidikan berkualiti bagi meningkatkan pengetahuan kemahiran, etika dan akhlak untuk mengharungi cabaran serta merebut ruang dalam ekonomi global"

Dr Mohamad Rozi Hassan,
Ketua Pegawai Eksekutif
UMP Advanced

nan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 bagi memperkasa lekatan TVET," katanya di sini, semalam.

Lahirkan individu profesional
Mohamad Rozi berkata, UMP Advanced juga berperanan mewujudkan laluan alternatif PSH kepada pekerja dalam bidang TVET, sekali gus melahirkan individu profesional yang kompeten dengan memberi peluang mereka melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Beliau berkata, pihaknya menyediakan latihan meningkatkan kemahiran dan melatih semula serta menyediakan rangkaian strategik untuk penguahan aktiviti sosioekonomi masyarakat setempat serta pihak berkepentingan.

"Pelaburan modal insan penting bagi meningkatkan kemajuan dan status sosioekonomi rakyat supaya mudah memperoleh akses pendidikan berkualiti bagi meningkatkan pengetahuan kemahiran, etika dan akhlak untuk mengharungi cabaran serta merebut ruang dalam ekonomi global.

"Pelaksanaan program pembangunan sosioekonomi bersama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) pula berjaya memberi peluang pekerjaan lebih baik termasuk program khidmat komuniti yang menjadi medan interaksi antara warga UMP dan masyarakat.

"Kita berharap inisiatif bakal dijalankan UMP Advanced pada tahun depan dapat melahirkan individu dan profesional kompeten serta memberi peluang warga kerja melanjutkan pengajian dan meningkatkan kemahiran," katanya.

Info

UMP Advanced

- 2,749 graduan dilahirkan sejak 2011
- 539 graduan pada 2017
- 23 program ijazah Sarjana Muda Kemasukan Khas ditawarkan dalam bidang kejuruteraan, teknologi

- kejuruteraan, sains komputer, sains gunaan dan pengurusan teknologi.
- 15 Disember 2017 tarikh tutup permohonan
- **Pemohonan secara online:** umpadvanced.ump.edu.my

